

23 AUG 2003

Mahathir-Sekolah

TERLALU BANYAK FILEM GANAS PENGARUHI REMAJA

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terlalu banyak filem luar berbentuk seks dan keganasan di negara, telah merosakkan fikiran remaja dan mempengaruhi mereka untuk terlibat dalam gejala tidak sihat seperti gangsterisme atau kegiatan samseng.

"Tak ada cerita lain...semua seks...ganas, tembak...bunuh. Inilah yang jadi rosak(kan remaja) bukan sahaja di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata kini ada kes anak-anak yang sanggup memukul ibu akibat terpengaruh menonton filem yang ada unsur keganasan, tetapi apabila kerajaan ingin menapis filem sedemikian, kerajaan dikritik kerana dikatakan menghalang kebebasan.

"Dulu tidak dengar jenayah anak pukul ibu atau tembak bapa. Semua ini timbul daripada idea menonton keganasan di TV. Tetapi biasalah jika kita kata kita patut tapis semua ini...Oh, (jawabannya) ia hak kebebasan semua orang...ya... kebebasan untuk membunuh orang juga sekarang." katanya.

Beliau berkata demikian semasa ditanya pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Kebangsaan Gerakan di sini, mengenai masalah gangsterisme di sekolah dengan kes terbaru penyingkiran 20 pelajar Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR), Ipoh.

Ditanya sama ada perlu diadakan kajian mengenai masalah itu, Mahathir bagaimanapun berkata keadaan (masalah gangsterisme) di sekolah di negara ini tidaklah sampai ke tahap yang buruk sehingga memerlukan satu kajian menyeluruh.

Perdana Menteri setuju dengan tindakan menyingkirkan kumpulan pelajar tingkatan lima STAR yang didakwa terlibat dalam kegiatan itu.

"Kalau mereka ini tak nak belajar kita tak boleh benarkan dia orang pergi ke sekolah...kacau orang lain," katanya.

Dr Mahathir turut ditanya sama ada ketua operasi Jemaah Islamiah Hambali perlu dihantar ke Indonesia untuk disiasat.

"Itu antara Indonesia dan Amerika Syarikat untuk memutuskannya. Jika warganegara kita melakukan jenayah di negara lain, itu perkara lain. Mereka ketika itu tertakluk di bawah undang-undang negara berkenaan dan ia perlu jelas selaras dengan kedaulatan undang-undang," katanya.

Mengenai isu lain, Dr Mahathir berkata semua negara di dunia mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam kecuali PAS disebabkan oleh motif politik.

Ini terbukti sehinggalah Malaysia telah diminta untuk menganjurkan sidang kemuncak Persidangan Negara Islam (OIC) Oktober ini, katanya ketika ditanya mengenai tindakan sesetengah pihak yang masih yang mempertikaikan status negara Islam Malaysia.

-- BERNAMA

RV HM RON